



PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN PEKAN 2021 - 2025



KEMASKINI 01.05.2025

KANDUNGAN

• Kata-kata Aluan Yang DiPertua MPP	2
• Setiausaha MPP	3
• Ringkasan Eksekutif	4
• Pengenalan	5
• Anugerah dan Pencapaian	13
• Carta Organisasi	30
• Objektif MPP	34
• Fungsi MPP	35
• Pelanggan Majlis Perbandaran Pekan	36
• Halatuju Strategik	37
• Nilai-nilai Bersama	38
• Analisa Persekitaran	40
• Isu-isu Strategik	41
• Objektif Strategik	44
• Nilai Teras	45
• Strategik dan Pelan Tindakan	47
• Elemen Penentu Kejayaan	75
• Mekanisme Pelaksanaan	76
• The Way Forward	77
• Penutup	78

KATA ALUAN



YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

3

Sebagai sebuah agensi kerajaan di barisan hadapan dan paling hampir dengan rakyat, Majlis Perbandaran Pekan sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggannya. Untuk tujuan tersebut, Majlis Perbandaran Pekan telah menggariskan visi yang jelas iaitu untuk "Menjadikan Pekan sebuah daerah yang megah, progresif serta permai dan mendapat penarafan bandaraya menjelang tahun 2050."

Pelan Strategik dari tahun 2021-2025 adalah merupakan satu rujukan yang digunakan oleh kakitangan Majlis Perbandaran Pekan ke arah budaya kerja yang lebih berkualiti dan efektif supaya dapat meningkatkan lagi kecemerlangan penyampaian perkhidmatan Majlis Perbandaran Pekan.

Semoga segala yang dirancang ini dapat direalisasikan dengan mendapat kerjasama yang padu dari semua kakitangan serta memperolehi keizinan dan keberkatan Allah s.w.t. demi memberi manfaat dan kesejahteraan kepada seluruh warga Pekan dan pengunjung-pengunjung.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Mohamad Nasir Bin Jusoh'.

MOHAMAD NASIR BIN JUSOH, AAP.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

2



SETIAUSAHA MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

Pelan Strategik Majlis Perbandaran Pekan merangkumi visi, misi dan halatuju Majlis Perbandaran Pekan untuk tempoh sehingga tahun 2025. Tempoh 5 tahun ini bermula dari 2021 hingga 2025 dipilih kerana tempoh ini dianggap praktikal bagi pelaksanaan strategi yang telah digariskan. Walaubagaimanapun, Pelan Strategik ini akan disemak semula pada setiap tahun bagi memastikan ianya selaras dengan keperluan dan kehendak semasa.

Pelan Strategik 2021-2025 ini amat penting dalam menentukan arah dan memastikan kelancaran perjalanan visi Majlis Perbandaran Pekan. Pelan Strategik yang jelas akan dapat memberikan kefahaman serta panduan kepada seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Pekan dalam usaha untuk memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan dan seterusnya mencapai visi dan misi organisasi.

Kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik ini bergantung kepada komitmen semua pihak termasuk kerjasama pelanggan sepertimana yang telah digariskan. Semoga dengan panduan daripada Pelan Strategik ini, Majlis Perbandaran Pekan akan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggannya selaras dengan slogan ISO Majlis iaitu "Perkhidmatan Berkualiti Pelanggan Berpuashati".

TPr ZURAIDAH BINTI ABDUL MAJID
SETIAUSAHA
MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pekan merupakan sebuah Bandar Diraja yang terancang dalam pelbagai aspek meliputi bangunan pejabat serta perumahan, infrastruktur, sosio ekonomi, perkhidmatan perbandaran, landskap, kemudahan awam dan sukan serta tempat ibadat. Majlis Perbandaran Pekan merupakan tulang belakang bagi hampir keseluruhan pembangunan dan perkhidmatan di Daerah Pekan. Oleh yang demikian, Majlis Perbandaran Pekan mestilah mempunyai satu halatuju yang jelas dan strategi yang mantap bagi memastikan perancangan, pembangunan dan perkhidmatannya sentiasa berkualiti, cekap dan menepati kehendak pelanggan.

Majlis Perbandaran Pekan telah menetapkan visi dan misi, selaras dengan usaha untuk memantapkan organisasi dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatannya. Pelan Strategik bagi tempoh dari 2021 hingga 2025 pula dirangka untuk dijadikan panduan dan halatuju bagi mencapai visi dan misi tersebut.

Dengan membentuk Visi iaitu "Menjadikan Pekan sebuah daerah yang megah, progresif serta permai dan mendapat penarafan bandaraya menjelang tahun 2050", MPP menekankan aspek-aspek pengurusan tadbir urus, penyediaan prasarana dan infrastruktur, pembangunan mampan, sosio ekonomi dan masyarakat lestari bagi menjadikan MPP sentiasa komited dalam menyampaikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik dan memenuhi ekspektasi warga daerah Pekan, sesuai dengan motto MPP iaitu "Pekan Bandar diRaja, Megah, Progresif, Permai. Pelan Strategik ini mengandungi Visi, Misi, Nilai-nilai Bersama, Peta Strategi (Strategy Map), Objektif Strategik, Strategi-strategi dan Pelan Tindakan bagi memberi gambaran menyeluruh mengenai perancangan dan pelaksanaan strategi Majlis Perbandaran Pekan.

Setiap tahun pihak pengurusan Majlis Perbandaran Pekan akan menyemak dan mengemaskini pelan strategik ini untuk menyelaraskan pencapaian berbanding dengan sasaran yang ditetapkan. Ianya bagi memastikan strategi yang telah digariskan terus relevan serta sentiasa berada pada landasan dan halatuju yang dikehendaki.

Pengenalan

SEJARAH BANDAR PEKAN



Mengikut cerita orang-orang tua, Pekan mendapat namanya dari sejenis bunga yang dipanggil Bunga Pekan yang banyak tumbuh menjalar di tebing-tebing Sungai Pahang. Bunganya berwarna putih seperti bunga Melor dan berbau harum.



LATAR BELAKANG MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

Pekan merupakan sebuah Bandar yang terletak di Negeri Pahang. Bandar Pekan terkenal sebagai Bandar Diraja kerana merupakan tempat bersemayam Sultan dan kerabat Diraja Pahang serta pusat pentadbiran negeri sejak dahulu lagi. Selain itu, Pekan juga dikenali sebagai sebuah Bandar yang aman, senyap serta sentiasa menampakkan ciri-ciri Bandar diraja. Pembinaan bangunan-bangunan juga amat unik dan tersendiri terutamanya istana.

Sesuai dengan namanya Bandar Diraja, Pekan juga terkenal dengan sejarah kesultanan dan bangunan-bangunan istana lama serta kini iaitu antara bangunan yang terkenal yang telah dibina pada zaman Sultan Mahmud dan Sultan Abdullah iaitu istana Seri Terentang, Istana Kuning, Istana Leban Tunggal, istana Kota Beram, istana Inderapuri dan istana Sultan Abu Bakar.

Majlis Perbandaran Pekan sebelum ini telah melalui beberapa fasa /peringkat pentadbiran daripada bermula sebagai Majlis Bandaran Pekan (Pekan Sanitary Board pada tahun 1924). Dipengerusikan oleh Pegawai Daerah di mana pada ketika ini semua perkara yang dilakukan oleh orang ramai seperti berniaga, pinjaman wang dan sebagainya perlu mendapat kebenaran Pegawai daerah terlebih dahulu dan dikenakan cukai. Pegawai Daerah pula perlu melaporkan keadaan pembangunan dan kegiatan social di Pekan setiap bulan kepada Resien Pahang pada ketika itu.

Selepas itu pada 1 November, 1968 Lembaga Bandaran Pekan (Pekan Townboard) pula ditubuhkan bagi menggantikan Sanitary Board (selepas kemerdekaan) dengan tujuan untuk memantapkan lagi fungsi dan peranannya bagi menjamin kemajuan Bandar Pekan. Pada tahun 1976, Akta Kerajaan tempatan 1976 telah diwartakan bagi memperkemaskan fungsi perbandaran.

Majlis Daerah Pekan ditubuhkan pada 1hb. Julai, 1988 bersamaan 17 Dzulkaedah 1408 Hijrah melalui Warta Kerajaan Negeri Pahang No. 503 bertarikh 23hb Jun, 1988. Encik Hashim bin Abdul Wahab, AMP., PJK., merupakan Yang Di Pertua pertama, dibantu oleh 13 orang Ahli Majlis dan 74 orang kakitangan. Pelancaran rasminya telah disempunakan KDYTM Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah, pada 3hb November 1990.

Dan kini, setelah lebih kurang hampir 35 tahun, Majlis Daerah Pekan telah dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Pekan melalui warta Kerajaan Negeri Pahang No.29 bertarikh 20 Julai, 2023 yang menyatakan kenaikan taraf daripada Majlis Daerah Pekan kepada Majlis Perbandaran Pekan berkuatkuasa 30 Julai, 2023. Majlis Pemasyhuran Majlis Perbandaran Pekan telah diadakan pada 21 Oktober, 2023 bersamaan 6 Rabiulakhir, 1445H jam 8.30 malam bertempat di perkarangan Majlis Perbandaran Pekan. Majlis pemasyhuran ini telah disempurnakan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Majlis diserikan lagi dengan keberangkatan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dengan diiringi Paduka-Paduka anakanda.

Pada dasarnya, MPP bertanggungjawab terhadap perancangan fizikal dan pembangunan bandar untuk kesejahteraan dan kesejahteraan penduduk yang seterusnya memberi kesan kepada ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat. Selain itu MPP juga mempunyai peranan untuk menjaga kebersihan dan keceriaan bandar melalui perkhidmatan perbandaran.

Pentadbiran MPP sentiasa komited untuk melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan secara cekap dan berkesan. Sejajar dengan itu, MPP akan sentiasa berusaha untuk memberikan dan melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan berkualiti demi kecemerlangan, kepuasan dan kesejahteraan penduduk serta pengunjung.

KAWASAN PENTADBIRAN

TAHUN	KAWALAN (km ²)	OPERASI (km ²)	JUMLAH (km ²)
1989 – 2001	108.67	56.28	164.95
2002 – kini	1952.36	399.44	2351.8


Bermula tahun 2002 seluruh kawasan di dalam Daerah Pekan, diwartakan sebagai kawasan pentadbiran Majlis Daerah Pekan kecuali kawasan hutan simpan seluas 1499.5 km².

KOMPOSISI PENDUDUK MENGIKUT KAUM

Mengikut banci penduduk dan perumahan negara tahun 2010, pecahan jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik di Daerah Pekan adalah seperti berikut :

Warganegara Malaysia					Bukan Warganegara Malaysia	Jumlah
Melayu	Bumiputera Lain	Cina	India	Lain-lain		
85,545	11,654	1,340	380	1,446	5,222	105,587

Peratusan Jumlah Penduduk Mengikut Etnik



WATIKAH PEMASYURAN MAJLIS DAERAH PEKAN



WATIKAH PEMASYURAN MAJLIS DAERAH PEKAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



BAHAWASANYA Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976, selepas berunding dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya dengan ini bersetuju untuk mengistiharkan suatu kawasan pihak berkuasa tempatan yang dikenali sebagai Majlis Daerah Pekan.

Maka dengan ini mulai 1hb. Julai, 1988 bersamaan 17 Dzulkaedah, 1408H. Majlis Daerah Pekan yang meliputi kawasan seluas 63.42 batu persegi adalah diwujudkan. Semoga dirahmati ALLAH Subhanahu Wataala Malikul Mulki akan Majlis Daerah Pekan yang baru ini didalam kemajuan, keamanan, keharmonian dan kemakmuran, kekal karar selama-lamanya.

TAN SRI HAJI MOHD. KHALIL BIN YAAKOB,
SSAP, SIMP, PSM, DSAP, JSM, SMP.
MENTERI BESAR PAHANG

AHLI MAJLIS YANG PERTAMA MAJLIS DAERAH PEKAN



Duduk : En. Wong Peng Lim, PJK, Hj. Abdul Manaf bin Hj. Sulong AMP., Haji Othman b. Ibrahim, JP., YM Tengku Haji Asmawi b. Tengku Hussin, DIMP., SAP., AMN. En. Hashim bin Abdul Wahab, AMP., PJK. (YDP), Ym Tengku Bahazenan Shah b. Tengku Mahmud, DSAP., SAP., PJK. En. Abdul Jalal b. Mohd. Yunus, AMP., PJK., En. Moideen a/l Abdul Kadir PJK.

Berdiri : En. Abdul Basik b. Mohd. Sah, AMP., Dr. Amal Nasir b. Mustafa, En. Tan Yang Meng, Ir., Amiruddin b. Ahmad PKC., Haji Ghazali b. Haji Kassim, Haji Musa bin Mohd Saman, PPN., En. Abdul Rahman b. Hj. Ahmad, PPN., PJK.

PEMASYURAN MAJLIS PERBANDARAN PEKAN



AHLI MAJLIS YANG PERTAMA MAJLIS PERBANDARAN PEKAN



DARI KIRI : DR. WONG CHIN MUN, EN. ABD. RAHIM BIN YAHAYA, PJK, EN. BADRUL HISHAM BIN ABDUL RAPAR , EN. ABU BAKAR BIN MUHAMMAD, TUAN HJ. MOHD ARIS BIN JAMIN.,AAP.,AMP, EN. MOHAMAD AFFANDI BIN ABDUL WAHID, EN. Ir. Ts SUHAMAIN BIN SULAN, AAP, HAJI SHAHARUDDIN B AHMAD, SUPT. MOHD ZAIDI BIN MAT ZIN,SMP., EN. MOHD AZUAN BIN OTHMAN (PEMANGKU SETIAUSAHA), YH. DATO' ZALIZA BIN ZULKIPLI, DIMP.,AAP, EN. TAN TENG CHUANG, EN. TAY KIANG PONG, YH DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN MD.AMIN, DIMP., AMP (YANG DIPERTUA), SUHAIMI BIN IBRAHIM, YH. TOK MUDA TENGKU DATO' MOHD MUSTAFFA BIN TENGKU IBRAHIM, DSAP.,DIMP.,SMP.,AMP, EN. MOHD JUNAIDY B ABDUL RAHMAN, DATO' HJ. SYED NASARUDIN BIN SYED ABD. HADI, DIMP, MOHD HASRAF BIN MAT HASSAN, DATO' KRISHNAN A/L RETHANAM, DIMP, EN. MAHMAD SAUADI BIN MUSA, HAJI MOHAMAD SHARIFF B AB JALIL, AMP, EN. MOHAMMAD SAUFI BIN ABU SAMAH, PN. YUSNITA BINTI CHE'AHMAD

TIADA DALAM GAMBAR : YM. TENGKU AHMAD ASHRAF B TENGKU ASMAWI

ANUGERAH & PENCAPAIAN UTAMA



BIL	ANUGERAH DAN PENCAPAIAN	CATATAN
1.	Sijil MS ISO 9001:2015 – Pengurusan Kualiti	2018 - 2027
2.	Sijil MS ISO 37001:2016 - ABMS	2022 - 2027
3.	Sijil MS ISO/IEC 27001:2013 – ISMS	2022 - 2025
4.	Pencapaian 5 bintang – Sistem Penarafan bintang Pihak Berkuasa Tempatan	2022
5.	Anugerah 5 bintang Portal	2022
6.	Pencapaian Portal SPLASK – 100 %	2023
7.	Pencapaian Status Bandar Mampan Tahun 2021	2022
8.	Anugerah Khas SDG 11 (kategori Majlis Daerah)	2022
9.	Tempat ke-3 Pertandingan Papan Tanda/Iklan Terbaik anjuran DBP dengan kerjasama Pejabat SUK Pahang	2021
10.	Anugerah Pahang 1 st –Perak (APEC Sektor Perkhidmatan	2022

11.	Anugerah Pahang 1 st – Pensijilan ABMS	2022
12.	Kenaikan Taraf Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran Pekan	2023
13.	Anugerah Pembekal Data Terbaik 2023 Kategori PBT bagi Majlis Apresiasi Pembekal Data Napic,JPPH Pahang	2023
14.	Anugerah Pahang 1 st – Gangsa (Anugerah Pentadbiran Cemerlang –APEC)	2023
15.	Anugerah Impak Digital bagi Kategori Anugerah Transformasi Digital (Pahang 1 st)	2023
16.	Sijil Bersih Penyata Kewangan Berakhir 31.12.2022	2023
17.	Tempat Kedua Terbaik Anugerah Kereta Berhias Sempena Karnival Rakyat Pahang	2023
18.	Kenaikan Taraf Majlis Daerah Kepada Majlis Perbandaran Pekan	2023
19.	Pengiktirafan Pematuhan Saga Bagi Sistem Aplikasi Perakaunan Dan Kewangan	2024
20.	Sijil Penghargaan Di Atas Penglibatan Dan Sokongan Kepada Sektor Pelancongan Negeri Pahang	2024
21.	Pengiktirafan 5 Bintang Anugerah Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024	2024
22.	Anugerah Smart City Early Adopter 2024 Sempena Malaysia Urban Planning Awards (Mupa) 2024	2024

SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Majlis Perbandaran Pekan telah berjaya mendapat **5 Bintang** dalam penggredan PBT pada tahun 2024



SIJIL SMARTCITY EARLY ADOPTER



PLANMalaysia
(FEDERAL DEPARTMENT OF TOWN & COUNTRY PLANNING)



SMART CITY EARLY ADOPTER 2024

CERTIFICATE OF RECOGNITION


Ministry of Housing and Local Government
We are proudly present this to:

MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

has met the evaluation criteria and in
conformity with MS ISO 37122:2019
Sustainable Cities and Communities
Indicators for Smart Cities.

Nga Kor Ming
Minister

Ministry of Housing and Local Government
28 October 2024



SIJIL BERSIH KETUA AUDIT NEGARA BAGI PENYATA KEWANGAN TAHUN 2022





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN PEKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pekan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022, Majlis Perbandaran Pekan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akras Tunai, Penyata Perubahan Akras Bersih serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah nangkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 29.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Pekan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta akras tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diutamakan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

1 / 4

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Pekan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pekan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pekan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya, dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pekan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pekan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pekan, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Pekan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pekan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

2 / 4

- mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pekan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Pekan;
- menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis;
- membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Pekan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pekan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Perbandaran Pekan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pekan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Ahli Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

3 / 4

Maklumat Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pekan berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 SEPTEMBER 2023



4 / 4

Persijilan MS ISO 9001:2015, MS ISO 37001:2016 dan ISO/IEC 27001:2013



Majlis Perbandaran Pekan telah memperolehi :

1. Sijil MS ISO 9001 : 2000 pada 16 Disember 2007
2. Sijil MS ISO 9001 : 2008 pada 06 Februari 2009
3. Sijil MS ISO 9001:2015 untuk tempoh sehingga 2027 bagi keseluruhan proses merangkumi kawalan pembangunan, pengurusan cukai taksiran, kawalan perniagaan, pengurusan Penyelenggaraan infrastruktur awam, pengurusan dan penyelenggaraan landskap, pengurusan perundangan dan penguatkuasaan, penerimaan hasil, pengurusan sewaan dan kesihatan perbandaran.
4. Selain itu Majlis Perbandaran Pekan juga telah memperolehi Sijil MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah bermula 19 September 2022 sehingga 06 Disember 2027.
5. Majlis Perbandaran Pekan meneruskan usaha mendapat pengiktirafan pengurusan sistem malumat dengan berjaya memperolehi persijilan ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat pada 29 November 2022 sehingga 29 Oktober 2025.

Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015)
Bermula 07.12.2018 Sehingga 06.12.2027



SIRIM QAS

SIJIL

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa



QUALITY SYSTEM
SIRIM

**MAJLIS PERBANDARAN PEKAN
JALAN MAHKOTA
26600 PEKAN BANDAR DIRAJA
PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati



IAF

ISO 9001 : 2015
SISTEM PENGURUSAN KUALITI - KEPERLUAN



STANDARDS
MALAYSIA
ACB 001

Skop Pensijilan

**PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI PERBANDARAN
PEKAN (MERANGKUMI PERKHIDMATAN UTAMA DAN SOKONGAN
KERAJAAN TEMPATAN).**



Member of
IQNET



Tarikh dikeluarkan	: 30 Disember 2024
Tarikh asal pensijilan	: 07 Disember 2018
Tarikh luput	: 06 Disember 2027
No. pensijilan	: QMS 03336



Nur Fadhilah Muhammad
Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
(Syarikat No. 19990117961 (410234-X))
1, Persiaran Dato' Menteri
Sekayen 2, Peti Surat 7035
40700 Shuh Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel : 60-3-0544 6000

<https://www.sirim-qas.com.my>
<http://www.malayiancertified.com.my>

Pengalpaan sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti tertera dalam Perjanjian Pensijilan.

Pensijilan MS 37001:2016 - Sistem Pengurusan Anti Rasuah
Bermula 19.09.2022 Sehingga 06.12.2027



SIJIL



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

MAJLIS PERBANDARAN PEKAN
JALAN MAHKOTA
26600 PEKAN BANDAR DIRAJA
PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Anti-Bribery yang menepati

ISO 37001 : 2016

MS ISO 37001 : 2016

ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS - REQUIREMENTS WITH GUIDANCE
FOR USE

Skop Pensijilan

SISTEM PENGURUSAN ANTI-BRIBERY BAGI PERKHIDMATAN PIHAK
BERKUASA TEMPATAN BAGI PERBANDARAN PEKAN (MERANGKUMI
PERKHIDMATAN UTAMA DAN SOKONGAN KERAJAAN TEMPATAN).



Tarikh dikeluarkan : 30 Disember 2024
Tarikh asal pensijilan : 19 September 2022
Tarikh luput : 06 Disember 2027
No. pensijilan : ABMS 00252

Nur Fadhilah binti Muhammad
Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
(Co. No. 410334 - x)
1, Persiaran Dato' Menteri
Section 2, P.O. Box 7000
40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel : 03-55446000
<http://www.sirim-qas.com.my>
<http://www.malaysiancertified.com.my>

Pengaliran siji ini terakut kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti tertera dalam Pelejanan Pensijilan.

Pensijilan ISO/IEC 27001:2013 - Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat

Bermula 29.11.2022 Sehingga 29.10.2025



SIJIL

SIRIM QAS International dengan ini mengesahkan bahawa



**MAJLIS PERBANDARAN PEKAN
JALAN MAHKOTA
26600 PEKAN BANDAR DIRAJA
PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang mematuhi



ISO/IEC 27001:2013

**INFORMATION TECHNOLOGY – SECURITY TECHNIQUES – INFORMATION
SECURITY MANAGEMENT SYSTEMS – REQUIREMENTS**



Skop Pensijilan



**SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI SISTEM
INTEGRASI MAKLUMAT MAJLIS PERBANDARAN PEKAN (IMPP) UNTUK
PERKHIDMATAN UTAMA MERANGKUMI PERKHIDMATAN
TERAS DI BAHAGIAN CUKAI TAKSIRAN, BAHAGIAN PELESENAN
DAN BAHAGIAN SEWAAN GERAL.**



INI ADALAH MENEPATI PENYATAAN PEMAKAIAN: TERBITAN 0.2, PINDAAN 01, 24 JUN 2024



Tarikh dikeluarkan : 30 Disember 2024
Tarikh asal pensijilan : 29 November 2022
Tarikh luput : 29 Oktober 2025
No. sijil : ISMS 00401

Nur Fadhilah Muhammad
Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
(Co. No. 410334 - X)
1, Persiaran Dato' Menteri
Section Z, P.O. Box 7005
42700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel : 60-3-65446400
<http://www.sirim-qas.com.my>
<http://www.malaysiancertified.com.my>

Pengaliran sijil ini terakut kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti tertera dalam Perjanjian Perisian.

Anugerah Pahang 1st Tahun 2022
Anugerah Pensijilan
Anti Bribery Management System (ABMS)

Tahniah

Kepada

MAJLIS DAERAH PEKAN

Anugerah Pensijilan
Anti-Bribery Management Systems (ABMS)

Sempena Majlis

ANUGERAH PAHANG 1st TAHUN 2022

Pada

29 Disember 2022



DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL,
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
MENTERI BESAR PAHANG



Anugerah Pahang 1st Tahun 2022
Anugerah Pentadbiran Cemerlang
(Perak)



Anugerah Pahang 1st Tahun 2023

Anugerah Pentadbiran Cemerlang (Gangsa)



Anugerah Pahang 1st Tahun 2023

Anugerah Impak Digital

Tahniah

Kepada

MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

Penerima

ANUGERAH IMPAK DIGITAL


Sempena Majlis

ANUGERAH PAHANG 1st TAHUN 2023

Pada

14 DISEMBER 2023




DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
MENTERI BESAR PAHANG



**Penerima Penghargaan
Khas Bagi 13 Indikator
MURNInets Berkaitan SDG
11 (Kategori Majlis Daerah)
bersempena Sambutan
Hari Perancangan Bandar
Sedunia 2022 Peringkat
Negeri Pahang pada 3
November 2022**



Pencapaian status Bandar Mampan 2021



Penghargaan Khas Bagi 12 Indicator MURNInets Berkaitan SDG 11 (Kategori Majlis Daerah)




Sijil Pematuhan SAGA (Standard Accounting System For Government Agencies)




CARTA ORGANISASI

CARTA ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN PEKAN



PUNCA KUASA



Majlis Perbandaran Pekan menjalankan tugas berlandaskan kepada peruntukan undang – undang seperti berikut:

Akta :

Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

Akta Bangunan dan Harta Bersesama (Penyelenggaraan dan Pengurusan)
2007 (Akta 663)

Akta Makanan 1983 (Akta 281)

Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)

Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154)
Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)

Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

Enakmen :

Enakmen Kawalan Kerbau Lembu 2001
Enakmen Hiburan 1993

Kaedah :

Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Daerah Pekan (Kelakuan Dan Tatatertib)
2000

Perintah :

Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta)
(MDP) 2020 - Phg. P.U. 44

Undang-Undang Kecil :

Undang-Undang Kecil Mengkompau Kesalahan-Kesalahan Kerajaan Tempatan (MDP) 2000 - Phg. P.U.11/2000

Undang-Undang Kecil Mengkompau Kesalahan-Kesalahan Jalan, Parit dan Bangunan (MDP) 2000 - Phg. P.U.12/2000

Undang-Undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDP) 1994 - Phg.P.U.5

Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (MDP) 1991 - Phg.P.U.18

Undang-Undang Kecil Iklan (MDP) 2000 - Phg.P.U.3/2000

Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MDP) 1994 - Phg. P.U. 21

Undang-Undang Kecil Kawalan & Penyeliaan Tempat-Tempat Makanan (MDP) 1994 - Phg.P.U.6/2000

Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (MDP) 1991 - Phg.P.U.7/2000

Undang-Undang Kecil Penjaja (MDP) 1991 - Phg.P.U.6

Undang-Undang Kecil Pasar (MDP) 2000 - Phg. P.U.4/2000

Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan (MDP) 2000 - Phg. P.U.5/2000

Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (MDP) 1994 - Phg. P.U.29

Undang-Undang Kecil Bayaran Denda Lesen (MDP) 2000 - Phg. P.U.10/2000

Undang-Undang Kecil Peruntukan Mengenai Lesen Bersesama (MDP) 2000 - Phg. P.U.9/2000

Undang-Undang Kecil Bayaran Pelan & Permit (MDP) 2000 - Phg.P.U.8/2000

Undang-Undang Kecil Kerja Kayu & Stor Kayu (MDP) 1994 - Phg. P.U. 22

Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (MDP) 1994 - Phg. P.U. 10

Undang-Undang Kecil Tandas Awam (MDP) 1998 - Phg. P.U. 23

Undang-Undang Kecil Taman (MDP) 2011 - Phg. P.U. 24

Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDP) (Pindaan) 2022 - Phg. P.U. 37

OBJEKTIF MPP

- Untuk memastikan kualiti perbandaran di tahap optima melalui perkhidmatan yang cekap, mesra dan berkesan pada setiap masa.
- Untuk memastikan perancangan dan pembangunan Bandar dilaksanakan secara bersistematik dan realistik berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).
- Untuk memastikan ciri-ciri dan identiti Bandar kekal dengan fungsinya sebagai Bandar Diraja.
- Untuk meningkatkan dan mengekalkan kebersihan dan keindahan alam sekitar Daerah Pekan sentiasa baik serta kekal dengan ciri-ciri semulajadi.
- Untuk mewujudkan dan mengekalkan kualiti perkhidmatan secara menyeluruh melalui amalan.
- Untuk menjana peningkatan ekonomi penduduk Daerah Pekan dengan lebih efektif.

FUNGSI MPP

Dalam mencapai matlamat, MPP melaksanakan fungsi- fungsi berikut :

- Melipatgandakan usaha-usaha menambah dan mempelbagaikan punca hasil dalam usaha mengurangkan pergantungan ke atas hasil cukai taksiran.
- Mempertingkatkan kemahiran dan kecekapan perkhidmatan perbandaran selaras dengan kehendak, citarasa dan keselesaan penduduk.
- Mempertingkatkan pengindahan kawasan dan kawalan kebersihan serta kesihatan.
- Menggalakkan pembangunan fizikal selaras dengan polisi perancangan negeri mengikut keutamaan yang ditetapkan.
- Menentukan semua pegangan di dalam kawasan operasi Majlis Perbandaran Pekan dinilai bagi maksud Cukai Taksiran Am pada nilai yang munasabah.
- Menguruskan penyewaan gerai-gerai dan meningkatkan kutipan sewaan gerai.
- Menambah dan memperhebatkan lagi kempen-kempen kebersihan, kursus dan gotong-royong di kalangan para peniaga dan penduduk setempat.
- Menambah dan meningkatkan kemahiran dan kecekapan kakitangan MPP melalui pelbagai kursus, latihan serta seminar-seminar dalaman mahupun luaran.
- Menyelenggara dan membaikpulih secara menyeluruh kemudahan awam sediaada seperti tandas awam, taman permainan serta longkang dan parit.

PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN Majlis Perbandaran Pekan

01

PEMEGANG TARUH

- * Kerajaan Persekutuan
- * Kerajaan Negeri
- * Ahli Majlis

02

PELANGGAN DALAMAN

- * Warga kerja
- * Jawatankuasa Wakil Pekerja
- * Kelab SERASI

03

PELANGGAN LUARAN

- * Pembayar Cukai
- * Pelesen
- * Penduduk
- * Sektor Awam/Swasta/NGO
- * Penerima perkhidmatan

HALATUJU STRATEGIK MPP

VISI

" Menjadikan Pekan sebuah daerah yang megah,indah,progresif serta permai dan mendapat penarafan bandaraya menjelang tahun 2050"

Penyataan visi ini merangkumi 4 komponen penting yang menunjukkan dengan jelas halatuju Majlis Perbandaran Pekan menjelang 2050 iaitu memberikan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti sehingga menjadi sebuah kawasan yang maju dan berdaya saing tanpa mengabaikan kualiti kehidupan yang harmoni dan permai sehingga mendapat pengiktirafan taraf sebagai bandaraya.

Dengan kelebihan sebagai sebuah Bandar DiRaja, diharapkan visi ini dapat memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat Pekan.

MISI

Untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk dalam kawasan Majlis Perbandaran Pekan yang bercirikan identiti Bandar Diraja melalui penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berintegriti.

Penyataan misi ini menunjukkan dengan jelas, matlamat utama Majlis Perbandaran Pekan iaitu untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat disamping mengekalkan identiti Bandar DiRaja.

MPP juga menjanjikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti selaras dengan slogan ISO MPP iaitu **'Perkhidmatan Berkualiti, Pelanggan Berpuashati'**

NILAI-NILAI BERSAMA

Bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti, kami sentiasa berpegang kepada nilai-nilai bersama seperti berikut semasa melaksanakan tugas:-

- 1. Integriti** Melaksanakan amanah dan kuasa yang diberikan dengan jujur dan saksama serta berkhidmat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab.
- 2. Adil** Sentiasa berusaha membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan. Keputusan yang diambil adalah berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan, serta fakta yang lengkap dan tepat bagi menjamin kepuasan semua pihak.
- 3. Berdisiplin** Sentiasa mengawal diri dan perilaku berlandaskan undang-undang, peraturan, prinsip dan nilai-nilai murni. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan tekun dan taat tanpa penyeliaan yang rapi dan sentiasa menjaga imej diri, organisasi, perkhidmatan dan negara di kaca mata masyarakat.
- 4. Akauntabiliti** Mempunyai rasa tanggungjawab dan akauntabiliti di dalam segala tindakan dan kelakuan.



5. Bijaksana

Sentiasa berusaha melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi. Membuat pertimbangan yang teliti dalam sesuatu tindakan serta membuat keputusan yang rasional berdasarkan fakta tertentu dengan mengambil kira kepentingan organisasi, perkhidmatan dan negara.

6. Telus

Sentiasa bersikap positif dan terbuka dengan mewujudkan prosedur kerja dan melaksanakan tindakan yang telus, lengkap serta menyelesaikan kerja mengikut masa yang ditetapkan. Berusaha memaklumkan maklumat, tindakan dan keputusan yang telah diambil kepada pihak yang berhak selagi ianya tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan.

7. Amanah

Menjalankan tugas dengan penuh komitmen, dedikasi dan rasa tanggungjawab selaras dengan akujanji yang telah diikrarkan.

8. Kerja Berpasukan

Mempunyai semangat kekitaan, bekerjasama, bertolak ansur dan sifat setia kawan dan muafakat yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi. Kepentingan kerja berpasukan lebih diutamakan daripada kepentingan diri sendiri.



ANALISIS PERSEKITARAN (ANALISA SWOT)

KEKUATAN / STRENGTHS (S)

- Teamwork dan komitmen kakitangan yang tinggi
- Sikap untuk berdaya saing
- Pelan Pembangunan yang terancang (RTD dan Pelan Induk Landskap)
- Bilangan kakitangan yang mencukupi
- Transformational leadership
- Sistem bersepadu I-MPP
- MS ISO 9001:2015
- MS 37001:2016
- ISO/IEC 27001:2013

KELEMAHAN / WEAKNESSES (W)

- Sumber hasil terhad
- Kakitangan kurang mahir
- Peraturan/Undang-undang kecil yang ketinggalan zaman/lapuk
- Kekurangan penggunaan teknologi terkini
- Ruang pejabat yang sempit dan terhad.
- Prospek kerjaya yang terhad – kenaikan pangkat dan kontrak
- Peralatan kerja yang terhad.

PELUANG / OPPORTUNITIES (O)

- Bandar Diraja
- Sokongan pemimpin politik dan pengurusan
- Lokasi yang strategik – hampir dengan Kuantan, ibu negeri Pahang
- Termasuk dalam kawasan Wilayah Ekonomi Pantai Timur
- Bandar Otomotif
- Eco-tourism – Tasik Chini, Hutan Paya Gambut, Sg. Pahang dan pantai Laut China Selatan
- Banyak peluang pekerjaan
- Potensi pelaburan yang tinggi

ANCAMAN / THREATS (T)

- Selalu banjir – muara sungai Pahang
- Sultanate Land – tidak boleh dibangunkan
- Ramai pendatang asing tanpa izin / setingan sungai
- Selalu berlaku kebakaran hutan dan kawasan paya gambut
- Kawasan untuk pembangunan projek besar terhad
- Vandalisme

ISU-ISU STRATEGIK

Berdasarkan analisis persekitaran yang telah dilaksanakan, beberapa isu strategik telah dikenalpasti untuk menyokong pencapaian visi dan misi iaitu:

- **Potensi pelaburan yang tinggi**

Lokasi Pekan yang strategik iaitu bersempadanan dengan ibu negeri Pahang, Kuantan memberikan limpahan manfaat kepada Daerah Pekan dari segi pembangunan dan secara tidak langsung menarik pelabur dalam dan luar negeri/negara untuk melabur di Pekan.

Pekan juga mempunyai tanah yang luas (150 ribu ha) yang masih belum diterokai dan berpotensi untuk dibangunkan sekaligus membuka peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk Pekan.

Kemasukan pelabur-pelabur ke Daerah Pekan, secara tidak langsung membantu meningkatkan hasil dan pendapatan dalam daerah.

Walaupun bagaimanapun, wujud beberapa kekangan yang telah dikenalpasti mampu menghalang pelaksanaan hasrat ini, iaitu walaupun Pekan mempunyai tanah yang luas untuk dibangunkan, sebahagiannya melibatkan tanah hakmilik dan Sultanate Land. Proses pengambilan balik tanah memerlukan kos yang tinggi dan melibatkan banyak pihak serta prosidur yang perlu dipatuhi.



Selain itu, kesan pembangunan yang dibawa oleh pelabur-pelabur ini secara tidak langsung turut mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat. Antara kesan yang mungkin timbul adalah seperti peningkatan kadar jenayah, pertambahan pendatang tanpa izin, vandalisme, gejala sosial, keruntuhan moral dan sebagainya.

Justeru, bagi memastikan visi yang telah ditetapkan tercapai, penglibatan semua pihak adalah sangat penting bagi memastikan Pekan maju, harmoni, makmur dan lestari.

• **Teamwork dan komitmen yang tinggi**

Komitmen pengurusan yang tinggi untuk memastikan kecemerlangan organisasi adalah merupakan kunci utama ke arah kejayaan Majlis Perbandaran Pekan mencapai visi dan misinya.

Teamwork dan penglibatan warga kerja yang optimum dalam memberikan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berintegriti kepada pelanggan turut memainkan peranan penting dalam mencapai misi organisasi.

Bagi mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan, Majlis Perbandaran Pekan telah memperolehi sijil ISO 9001 : 2015 bagi keseluruhan perkhidmatan, melaksanakan KPI bagi semua proses kerja utama termasuk berjaya memperolehi Sijil MS ISO 37001:2016 Persijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) dan juga Persijilan MS ISO/IEC 27001:2013 – ISMS. Kejayaan Majlis Perbandaran Pekan dalam beberapa anugerah membuktikan kesungguhan pihak pengurusan dan warga kerja Majlis Perbandaran Pekan memberikan perkhidmatan yang berkualiti demi kepuasan pelanggan.

- **Pelan Pembangunan yang terancang**

Bagi memastikan Pekan mencapai taraf daerah megah, progresif dan permai, satu Pelan Pembangunan yang terancang telah digunapakai iaitu Rancangan Tempatan Daerah Pekan dan Pelan Induk Lanskap Majlis Perbandaran Pekan.

Ianya dijadikan garis panduan utama sebelum sesuatu projek pembangunan dilaksanakan di dalam Daerah Pekan. Garis panduan ini merupakan salah satu alat kawalan supaya setiap perancangan dan pembangunan yang hendak dilaksanakan mengikut sepertimana yang telah ditetapkan.

- **Sumber alam semulajadi**

Bagi mengekalkan kelestarian Daerah Pekan, sumber-sumber semulajadi yang sediaada perlu dikekalkan. Pekan mempunyai potensi untuk membangunkan Pusat Eco-Tourism seperti Tasik Chini yang telah diiktiraf sebagai warisan alam semulajadi.

Selain daripada itu, Pekan mempunyai hutan paya gambut terbesar di Asia Tenggara dan ke-3 terbesar di dunia. Walaubagaimanapun, kawasan hutan paya gambut ini diancam dengan kebakaran hutan hampir setiap tahun sekaligus memusnahkan eko-sistem kawasan terlibat.

Sungai Pahang adalah sungai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia yang turut menyumbang kepada ekonomi penduduk setempat di samping dapat dijadikan produk pelancongan. Walaubagaimanapun, sungai ini telah tercemar dengan kehadiran PATI dan setingan sungai. Oleh itu usaha dari semua pihak adalah perlu untuk menjaga anugerah alam yang tidak ternilai ini.



OBJEKTIF STRATEGIK

Bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan, Majlis Perbandaran Pekan telah menggariskan 5 Objektif Strategik untuk dijadikan panduan dan halatuju dalam melaksanakan kerja-kerja harian. Objektif Strategik ini disokong oleh strategi-strategi dan pelan-pelan tindakan yang telah dikenalpasti dapat membantu Objektif Strategik ini tercapai. Objektif Strategik Majlis Perbandaran Pekan ialah :-

- Memantapkan sistem pengurusan dan penyampaian perkhidmatan ke arah perhidmatan yang berkualiti dan memberi kepuasan kepada pelanggan
- Mengekalkan persekitaran lestari ke arah kualiti hidup penduduk yang lebih tinggi
- Memastikan perancangan pembangunan yang seimbang dan terkawal serta mengekalkan identiti Bandar DiRaja
- Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan perbandaran ke arah mencapai keharmonian dan kemakmuran Daerah Pekan
- Memperkukuh dan memantapkan sumber hasil jabatan ke arah kemajuan dan pembangunan Daerah Pekan



NILAI TERAS

Nilai Teras merupakan ringkasan kepada strategi-strategi yang perlu dilaksanakan bagi mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan dalam tempoh masa pelaksanaan Pelan Strategik ini. Bagi memudahkan pelaksanaan, 15 strategi yang telah digariskan dibahagi kepada empat (4) perspektif utama iaitu Pelanggan, Kewangan, Proses Dalaman serta Pembelajaran dan Pertumbuhan.

Bagi memenuhi keperluan dan kehendak **pelanggan**, strategi yang perlu dilaksanakan ialah mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur awam, mempertingkatkan kualiti perkhidmatan perbandaran, mewujudkan persekitaran yang indah, bersih, selamat dan selesa serta memperkukuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program majlis.

Untuk memastikan kemajuan dan pembangunan daerah, strategi dari perspektif **kewangan** perlu dilaksanakan iaitu memantapkan keupayaan kutipan hasil dan mempelbagaikan sumber hasil.

Strategi dari perspektif **proses dalaman** adalah penting dalam mencapai misi dan visi jabatan. Strategi-strategi yang perlu dilaksanakan ialah memastikan pembangunan secara terancang dan terkawal, mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan, mempertingkatkan kecekapan pengurusan kawalan perniagaan, menggalakkan penggunaan peralatan dan produk yang mesra alam, memelihara dan mengekalkan warisan alam semulajadi dan memperkasakan imej dan warisan Kesultanan Melayu Pahang.

Bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti, strategi dari perspektif **pembelajaran dan pertumbuhan** perlu dilaksanakan iaitu memantapkan pembangunan organisasi, memantapkan pengurusan sumber manusia dan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif untuk keselesaan warga kerja dan pelanggan.

NILAI TERAS

PELANGGAN

Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur awam

Mewujudkan persekitaran yang kondusif

Memperkukuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program majlis

Penyediaan kawasan lapang awam dan kemudahan rekreasi yang mencukupi mengikut keperluan penduduk

Mewujudkan persekitaran yang indah, bersih, selamat dan selesa

KEWANGAN

Memantapkan keupayaan kutipan hasil

Memantapkan sistem pengurusan kewangan

Penyediaan penyata kewangan

PROSES DALAMAN

Memastikan pembangunan secara terancang dan terkawal

Memperkasa integriti dan tatakelola

Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan perbandaran

Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan

Menggalakkan kebersihan di premis makanan & minuman

PEMBELAJARAN & PERTUMBUHAN

Memantapkan Pembangunan Organisasi

Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia

Pengurusan aduan awam yang lebih cekap

STRATEGIK & PELAN TINDAKAN

1. MEMANTAPKAN SISTEM PENGURUSAN DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KE ARAH PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI DAN MEMBERI KEPUASAN KEPADA PELANGGAN

Strategik	KPI	Sasaran		Pemilik KPI / Tindakan		
Memantapkan pembangunan organisasi	Pengukuran Sistem Star Rating PBT	5 Bintang		Bahagian Integriti dan Audit Dalam		
Inisiatif Strategik		2021	2022	2023	2024	2025
Membuat Perbincangan mengenai indicator star rating bersama YDP, SU dan Ketua Jabatan		/	/	/	/	
Membuat aktiviti pengauditan sebelum lawatan dari auditor		/	/	/	/	

Strategik	KPI	Sasaran		Pemilik KPI / Tindakan		
Memantapkan pengurusan sumber manusia	Kursus/ latihan kepada kakitangan	7 hari setahun		Jabatan Khidmat Pengurusan		
	Markah prestasi	Markah prestasi 80% ke atas melebihi 90% kakitangan				
Inisiatif Strategik		2021	2022	2023	2024	2025
Menyediakan kursus/ latihan kepada kakitangan secara dalaman dan luaran.		/	/	/	/	
Menganjurkan ceramah agama dan nilai-nilai murni		/	/	/	/	
Mengadakan perjumpaan bersama kakitangan YDP		/	/	/	/	
Mengadakan mesyuarat MBJ 4 kali setahun		/	/	/	/	

Strategik	KPI	Sasaran	Pemilik KPI / Tindakan			
Pengurus an aduan awam yang lebih cekap	85% aduan (bukan teknikal) di selesaikan	Dalam tempoh 3 hari	Jabatan Korporat dan Perhubungan Awam			
	100% status maklumbalas kepada pelanggan	Dalam tempoh 15 hari bekerja	Jabatan Korporat dan Perhubungan Awam			
	Aduan infrastruktur disiasat dan diberi maklum balas	Dalam tempoh 24 jam	Jabatan Kejuruteraan			
	Aduan perkhidmatan disiasat memberi maklum balas .	100% setiap aduan disiasat dan maklum balas dalam tempoh 3 hari .	Jabatan Perkhidmatan perbandaran.			
Inisiatif Strategik		2021	2022	2023	2024	2025
Mengadakan mesyuarat aduan secara berkala						
Melaksanakan pengurusan aduan mengikut standard MS ISO 9001:2015						

Strategik	KPI	Sasaran	Pemilik KPI / Tindakan				
Mewujudkan persekitaran yang kondusif	Tahap kepuasa pekerja di tahap cemerlang	80%	Jabatan Korporat dan Perhubungan Awam / Jabatan Khidmat Pengurusan				
Inisiatif Strategik		2021	2022	2023	2024	2025	
Mewujud dan mengekalkan persekitaran kerja yang berkualiti dan kondusif		/	/	/	/		
Mengadakan mesyuarat MBJ		/	/	/	/		
Menyediakan aktiviti/program yang melibatkan kakitangan seperti sukan, kebajikan dan sebagainya		/	/	/	/		
Mengadakan program bersama Kelab SERASI		/	/	/	/		

Strategik	KPI	Sasaran	Pemilik KPI / Tindakan			
Memperku kuh jalinan dan penyertaa n komuniti dalam aktiviti dan program majlis	Program kemasyara katan / penglibata n komuniti	24 program	Jabatan Perhubungan Awam dan Komuniti			
Inisiatif Strategik		2021	2022	2023	2024	2025
Jawatankuasa Perwakilan Penduduk.		—	—	—	—	
Mengadakan program komuniti bersama penduduk.		—	—	—	—	
Melaksanakan program gotong royong bersama penduduk		—	—	—	—	

Strategik	KPI	Sasaran	Pemilik KPI / Tindakan			
Mengurusk an kewangan dengan telus, cekap dan amanah.	Memproses pembayaran dalam tempoh 7 hari.	90%	Jabatan Perendaharaan			
	Memproses pembayaran dalam tempoh 14 hari.	100%				
Inisiatif Strategik		2021	2022	2023	2024	2025
Mengadakan senarai Semak pembayaran		—	—	—	—	
Memperkemas proses pembayaran		—	—	—	—	
Menyediakan kemudahan kutipan secara online		—	—	—	—	
Menaik taraf sistem perakaunan yang digunakan.		—	—	—	—	

Strategik	KPI	Sasaran	Pemilik KPI / Tindakan
Meningkat dan memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan	Permohonan lesen premis perniagaan tidak berisiko diluluskan	100% mengikut tempoh 1 hari bekerja.	Jabatan Perkhidmatan perbandaran.
	Permohonan lesen premis perniagaan berisiko diluluskan	80% daripada permohonan dalam tempoh 30 hari bekerja.	
	Persiapan dewan dan kemudahan sukan akan dilaksanakan setelah permohonan diterima.	100% selesai 1 hari sebelum program.	Jabatan Perhubungan Awam Dan Komuniti
	Mengadakan urusan pelantikan kakitangan.	3 bulan bermula daripada urusan tapisan kecergasan.	Jabatan Khidmat Pengurusan
	Capaian maklumat interaktif laman web oleh pihak berkepenting	Pengemas kinian laman web 100% dalam masa 24 jam sehari	Bahagian Teknologi Maklumat

	Ketersediaan Operasi Sistem Pengkomputeran Kepada Pelanggan	Penyenggaraan operasi sistem dilaksanakan dalam masa 8 jam sehari	Bahagian Teknologi Maklumat
	Ketersediaan Prasarana ICT Bagi Perlaksanaan Perkhidmatan Teras	100% aduan pengguna diselesaikan dalam masa 8 jam sehari	
	Memastikan perjanjian sempurna dalam tempoh 20 hari.	Penyediaan perjanjian & memorandum persefahaman (20 hari)	Bahagian Undang-Undang
	Memastikan semua pemohon pengurangan kompaun yang diterima adalah mengikut prosedur/had kuasa yang telah ditetapkan.	Pengurangan kompaun (20% diskaun) .	
	Memastikan kes yang dibawa didaftarkan dalam sistem e-Filing.	Pendakwaan (30 hari)	

Inisiatif Strategik	2021	2022	2023	2024	2025
Semakan tempahan dewan dan kemudahan sukan	/	/	/	/	
Penyelenggaraan perkakasan ict secara berkala	/	/	/	/	
Garis panduan pengeluaran lesen berisiko dan tidak berisiko	/	/	/	/	
Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Perkhidmatan Perbandaran	/	/	/	/	
Semakan tarikh tamat perjanjian	/	/	/	/	
Semakan syarat dan kelayakan lantikan	/	/	/	/	

Strategi	Objektif	Indikator	Pemilik KPI / Tindakan
Memastikan audit dalam dilaksanakan bagi memantau kerja dan prosedur dilakukan mengikut peraturan dan undang-undang.	Mengadakan pemeriksaan mengejut mengikut Arahan Perbendaharaan No.309.	Dua (2) kali setahun (secara berkala).	Bahagian Integriti dan Audit Dalam
	Melakukan audit penilaian proses kerja, pengauditan prestasi dan pengauditan pengurusan kewangan di MPP.	100% pengauditan dalam tempoh 25 hari .	
	Laporan audit disiapkan dalam tempoh 5 hari selepas aktiviti audit.	100% dalam masa 8 jam sehari dalam tempoh waktu operasi kerja	

Inisiatif Strategik	2021	2022	2023	2024	2025
Jadual pemeriksaan audit (audit plan)					
Mesyuarat Jawatankuasa Audit					
Pelaksanaan Audit susulan					

2. MENGEKALKAN PERSEKITARAN LESTARI KE ARAH KUALITI HIDUP PENDUDUK YANG LEBIH TINGGI

Strategik	KPI	Sasaran		Pemilik KPI / Tindakan		
Mewujudkan persekitaran yang indah, bersih, selamat dan selesa	Program gotong royong	24 program		Jabatan Perkhidmatan Perbandaran/ Jabatan Perhubungan Awam & Komuniti		
Inisiatif Strategik		2021	2022	2023	2024	2025
Melaksanakan program gotong royong di kawasan operasi MPP		—	—	—	—	
Mengadakan Mesyuarat Keindahan Kebersihan JK dan		—	—	—	—	
Melaksanakan program 3R dan komposting		—	—	—	—	

Strategik	KPI	Sasaran	Pemilik KPI / Tindakan		
Menggalak kan kebersihan di premis makanan & minuman	Penggredd an A tahap kebersihan premis makanan dan minuman	70%	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran / Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan		
Inisiatif Strategik	2021	2022	2023	2024	2025
Pemeriksaan tahunan oleh Majlis Daerah Pekan dan Pejabat Kesihatan Daerah	✓	✓	✓	✓	
1 Daerah 1 Lokaliti	✓	✓	✓	✓	
Tindakan kompaun bagi gerai yang kotor	✓	✓	✓	✓	

Strategik	KPI	Sasaran	Pemilik KPI / Tindakan				
Penyediaan kawasan lapang awam dan kemudahan rekreasi yang mencukupi mengikut keperluan penduduk	Pencapaian mampan (3 score) dalam murninets setiap tahun	Mampan	Jabatan Perancang Bandar				
Inisiatif Strategik	2021	2022	2023	2024	2025		
Mensyaratkan penyediaan 10% tanah lapang dan rekreasi bagi semua(jenis pembangunan di peringkat permohonan kebenaran merancang							
Mengunapakai garis panduan tanah lapang dan kawasan rekreasi, JPBD Semenanjung Malaysia							
2 hektar tanah lapang awam bagi setiap 1,000 penduduk							

3. MEMASTIKAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN YANG SEIMBANG DAN TERKAWAL SERTA MENGEKALKAN IDENTITI BANDAR DIRAJA

Strategik	KPI	Sasaran	Pemilik KPI / Tindakan
Memastikan semua aktiviti pembangunan adalah terkawal dan mengikut perancangan yang digariskan.	Pelan-pelan pembangunan diluluskan mematuhi Rancangan Tempatan Daerah Pekan	80%	Jabatan Perancang Bandar
	Perakuan terhadap permohonan kebenaran merancang	Dikeluarkan dalam tempoh 30 hari.	
	Kelulusan kebenaran merancang dan pelan pra hitungan	100% dikeluarkan dalam tempoh 7 hari.	
	Perakuan pelan bangunan pada OSC	100% dalam tempoh 23 hari.	Bahagian Kawalan Bangunan
	Kelulusan pelan bangunan dikeluarkan selepas menerima	100% dalam tempoh 7 hari.	

Memastikan semua aktiviti pembangunan adalah terkawal dan mengikut perancangan yang digariskan.	Perakuan pelan infrastruktur pada OSC	100% dalam tempoh 23 hari.	Jabatan Kejuruteraan
	Kelulusan pelan infrastruktur dikeluarkan selepas menerima memo dari OSC	100% dalam tempoh 7 hari.	
	Permohonan pelan bangunan, pelan infrastruktur dan pelan landskap diproses mengikut masa yang ditetapkan	Memastikan 100% semua pelan diproses : p.bangunan= 50 hari p.infrastruktur = 50 hari p. Landskap =42 hari	Bahagian Pusat Setempat
	100% keputusan mesyuarat jawatankuasa OSC diedarkan	Dalam tempoh 3 hari dan minit diedarkan dalam masa 7 hari dari tarikh mesyuarat.	
	Memastikan 100% permohonan pelan kebenaran merancang diproses mengikut masa	Kecil (44 hari) Sederhana (57 hari) Besar A (300 hari) Besar b (73 hari)	

Strategik	KPI	Sasaran	Pemilik KPI / Tindakan
Memastikan semua aktiviti pembangunan adalah terkawal dan mengikut perancangan yang digariskan.	Memastikan 100% kertas perakuan dan kelulusan pelan landskap dalam kawasan MPP	100% dikeluarkan dalam tempoh 7 hari.	Bahagian Lanskap
	Memastikan lawatan tapak dilaksanakan setelah penerimaan permohonan	100% surat sokongan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari.	Bahagian Kawalan Bangunan

Inisiatif Strategik	2021	2022	2023	2024	2025
Laporan pematuhan permohonan kebenaran merancang ke atas rancangan pemajuan secara tahunan oleh JPBD Negeri Pahang					
Mesyuarat Jawatankuasa OSC dua kali sebulan					
Penguatkuasaan peraturan secara konsisten dan efektif					

Strategik	KPI	Sasaran	Pemilik KPI / Tindakan
Meningkatkan kemudahan dan infrastruktur awam	Projek yang diluluskan dilaksanakan	100% dilaksanakan	Jabatan Kejuruteraan
	Kemajuan projek mencapai berbanding perancangan	Mencapai 90% daripada perancangan	
	Penyenggaraan Aset elektrik majlis	100% mengikut jadual merancang dan berkala	
	Penyenggaraan Aset dan bangunan majlis	100% mengikut jadual merancang dan berkala	
	Penyenggaraan Kenderaan majlis	100% mengikut jadual merancang /5,000km - 10,000km / 6 bulan	

Inisiatif Strategik	2021	2022	2023	2024	2025
Membuat permohonan peruntukkan projek pembangunan dari KPKT, ECER, MARRIS dan Kementerian Pelancongan	/	/	/	/	
Mendapatkan maklumat projek pembangunan yang perlu dilaksanakan daripada penduduk, Adun dan Ahli Majlis	/	/	/	/	
Menyediakan Jadual penyenggaraan	/	/	/	/	
Mesyuarat pemantauan projek secara berkala	/	/	/	/	

4. MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN KE ARAH MENCAPAI KEHARMONIAN DAN KEMAKMURAN DAERAH PEKAN

Strategik	KPI	Sasaran		Pemilik KPI / Tindakan		
Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan perbandaran	Pengukuran tahap kepuasan pelanggan	80% secara keseluruhan dalam tempoh setahun		Jabatan Perhubungan Awam dan Komuniti / Jabatan Perkhidmatan Perbandaran / Bahagian Lanskap		
Inisiatif Strategik		2021	2022	2023	2024	2025
Memastikan kerja-kerja pembersihan dijalankan mengikut jadual						
Program 1 Daerah 1 Lokaliti bersama Jab. Kesihatan Daerah Pekan						
Program komposting bersama penduduk						
Penyenggaraan landskap						
Pelaksanaan Kajian Kepuasan Pelanggan						

Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan	Penguatkuasaan ke atas pelanggaran undang-undang bagi mengurangkan rungutan masyarakat tempatan	80% setahun dari perancangan yang ditetapkan.	Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan		
	Pemeriksaan berkala mengikut zon	80% berdasarkan jadual tugas yang dikeluarkan.			
	Operasi penguatkuasaan setiap bulan	100% daripada sasaran iaitu 4 kali sebulan			

Inisiatif Strategik	2021	2022	2023	2024	2025
Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu	/	/	/	/	
Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara berkala	/	/	/	/	
Mempertingkatkan kemahiran dan kepupayaan anggota penguatkuasaan	/	/	/	/	

Strategik	KPI	Sasaran	Pemilik KPI / Tindakan			
Memastikan penyelenggaraan pokok-pokok teduhan di bawah seliaan majlis dilaksana.	Pokok ameniti dibuat pemangkasan	80% pemangkasan daripada 2 kali setahun.	Bahagian Landskap dan Rekreasi.			
	Penyelenggaraan taman landskap	90% daripada penyelenggaraan setahun.				
Inisiatif Strategik	2021	2022	2023	2024	2025	
Menyediakan jadual berkala Penyelenggaraan lanskap						
Menyediakan jadual penyelenggaraan pokok ameniti						
Semakan aduan dalam sistem Sispaa						

Strategik	KPI	Sasaran	Pemilik KPI / Tindakan
Memastikan semua premis makanan yang dilesenkan diperiksa dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Pekan.	Memastikan setiap premis makanan yang dilesenkan diperiksa.	100% setiap premis makanan yang dilesenkan diperiksa.	
	Memastikan premis dari gerai-gerai diperiksa mendapat gred A.	50% premis diperiksa mendapat gred A.	

Inisiatif Strategik	2021	2022	2023	2024	2025
Memastikan kerja-kerja pembersihan dijalankan mengikut jadual	✓	✓	✓	✓	
Jadual pemeriksaan berkala	✓	✓	✓	✓	
Program komposting bersama penduduk	✓	✓	✓	✓	

5. MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN SUMBER HASIL JABATAN KE ARAH KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN DAERAH PEKAN

Strategik	KPI	Sasaran	Pemilik KPI / Tindakan				
Memantapkan keupayaan kutipan hasil	Kutipan hasil tahunan.	Mencapai 90% sasaran tahunan.	Jabatan Perbendaharaan				
	Peratusan kutipan tunggakan cukai	70%	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta				
	Kutipan sewaan gerai	80% sebulan daripada jumlah keseluruhan sewaan bulanan gerai.	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta				
	Kutipan Tunggakan kompaun	75% daripada kompaun yang dikeluarkan dijelaskan.	Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan				
Inisiatif Strategik		2021	2022	2023	2024	2025	
Menyediakan kemudahan kutipan secara online seperti CIMB Click, Maybank 2U dan pos Malaysia		—	—	—	—		
Mengadakan kutipan sewaan ke tempat harta Majlis disewakan (kutipan pintu ke pintu) setiap bulan		—	—	—	—		

Inisiatif Strategik	2021	2022	2023	2024	2025
Menambahkan simpanan tetap	/	/	/	/	
Mengadakan insentif seperti cabutan bertuah/hadiah iringan kepada pembayar cukai yang tiada tunggakan	/	/	/	/	
Melantik panel peguam untuk menuntut tunggakan melalui mahkamah	/	/	/	/	
Mengadakan aktiviti lawat periksa ke atas harta-harta yang ada di dalam kawasan operasi	/	/	/	/	
Meningkatkan hasil-hasil dari setiap Jabatan MPP	/	/	/	/	

Strategik	KPI	Sasaran		Pemilik KPI / Tindakan		
Memantapkan sistem pengurusan kewangan	Tempoh pembayaran kepada pembekal dibuat dalam tempoh 7 hari	50%		Jabatan Perbendaharaan		
Inisiatif Strategik		2021	2022	2023	2024	2025
Mewujudkan borang KPI bagi tujuan pemantauan proses bayaran.		—	—	—	—	
Memastikan tuntutan yang diterima diproses dengan segera		—	—	—	—	
Pelaporan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Daerah Pekan		—	—	—	—	

Strategik	KPI	Sasaran		Pemilik KPI / Tindakan		
Memastikan harta-harta dinilai dengan cekap dan berkesan.	Mengeluarkan notis pindaan senarai nilai	Tempoh 2 minggu selepas penilaian dibuat		Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta		
	Menilai harta awam	1,000 pegangan setahun.				
Inisiatif Strategik		2021	2022	2023	2024	2025
Pemeriksaan taman-taman perumahan baru						
Jadual pemantauan						
Semakan bersama agensi dalaman MPP						
Semakan bersama agensi luaran MPP						

Strategik	KPI	Sasaran		Pemilik KPI / Tindakan		
Penyediaan penyata kewangan	Sijil Bersih Ketua Audit Negara	Setiap Tahun		Jabatan Perbendaharaan		
Inisiatif Strategik		2021	2022	2023	2024	2025
Menaik taraf sistem perakaunan yang digunakan.						
Memastikan penyata kewangan dihantar ke Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya 30 April setiap tahun						
Memberi latihan dan pendedahan kepada kakitangan yang terlibat dengan penyediaan penyata kewangan						

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Bagi memastikan sasaran visi dan misi organisasi dapat dicapai, beberapa elemen utama telah dikenalpasti sebagai penentu utama kepada kejayaan Majlis Perbandaran Pekan.

1. Komitmen Pengurusan Atasan

Komitmen pengurusan atasan memberikan impak yang tinggi dalam setiap perancangan jabatan. Pengurusan atasan memainkan peranan yang penting dalam memberikan halatuju yang jelas kepada kakitangan untuk mencapai visi dan misi organisasi.

2. Budaya Kualiti Dalam Organisasi

Bagi menjadi sebuah organisasi yang cekap dan berkesan, penerapan budaya kerja berkualiti merupakan aspek yang amat penting. Sebarang usaha penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan mudah sekiranya semua warga kerja memahami budaya kualiti dalam organisasi masing-masing.

3. Pembangunan Modal Insan Yang Berkesan

Aspek pembangunan modal insan merupakan elemen utama dalam pengurusan. Untuk melakukan sebarang perubahan dalam organisasi, modal insan perlu dipersiapkan untuk bersedia bagi menerima perubahan dan melakukan perubahan tersebut. Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kemahiran kepada semua pekerja.

MEKANISME PELAKSANAAN

- Strategi dan pelan tindakan yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik Majlis Perbandaran Pekan ini, telah dirangka untuk dicapai dalam tempoh 5 tahun iaitu 2016 sehingga 2020. Tempoh pelaksanaan ini dianggap praktikal bagi melaksanakan strategi yang telah digariskan.
- Bagi memastikan setiap bahagian di MPP memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh 5 tahun ini, strategi dan pelan tindakan di dalam Pelan Strategik ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut jadual perancangan seperti berikut :-

BIL	PERKARA	TARIKH CADANGAN
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik dan Pencapaian Pelan Strategik (Mesyuarat JK Pengurusan Kualiti)	1 kali Setahun
2.	Kajian Semula Pelan Strategik	2025

- Kajian semula Pelan Strategik akan mengambilkira perubahan persekitaran yang berlaku serta bersesuaian dengan keadaan semasa

THE WAY FORWARD

- Selepas perancangan strategik ini dilaksanakan dan berakhir pada tahun 2025, peranan MPP diharapkan akan lebih menyerlah dalam aspek pengurusan dan perkhidmatan perbandaran.
- Oleh kerana aspek pengurusan dan perkhidmatan perbandaran adalah aspek yang berterusan, maka perancangan ini perlu diteruskan lagi bagi membangunkan dan memantapkan lagi transformasi pengurusan dan perkhidmatan perbandaran MPP berdasarkan kepada keperluan semasa.
- Selepas tahun 2025, MPP mempunyai gagasan dan berwawasan untuk mencapai ke tahap seperti berikut:-
 - i. Menjadi agensi yang terunggul di Malaysia dalam pengurusan dan perkhidmatan perbandaran
 - ii. Pembangunan sosioekonomi penduduk yang terbaik
 - iii. Infrastruktur dan pembangunan yang seimbang antara penduduk bandar dan luar bandar

PENUTUP

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan aspirasi rakyat serta masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik Majlis Perbandaran Pekan 2021-2025 telah mengariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta pelan tindakan yang perlu dilaksanakan.

Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan indikator berkaitan. Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

Untuk memastikan Pelan Strategik MPP mencapai sasarannya, semua pihak perlu bekerjasama dan komited dalam usaha merialisasikan strategi-strategi dan tindakan-tindakan yang telah digariskan. Obligasi berkenaan hendaklah dipikul bersama oleh pentadbiran majlis dan masyarakat demi untuk kesejahteraan dan kelestarian Pekan Bandar DiRaja. Warisan sediaada terutama Kesultanan Melayu Pahang hendaklah dikekalkan. Alam semulajadi pula perlu dipelihara melalui peningkatan tahap kesedaran dan kawalan pembangunan yang terancang.

Hakikatnya semua pihak bertanggungjawab dan mempunyai peranan masing-masing dalam membantu Majlis Perbandaran Pekan mencapai visinya.

